

NO SOALAN : 214

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
[REMBAU]**

SOALAN NO. 214

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah butiran memorandum persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani antara pihak Kementerian bersama lapan buah syarikat pemaju perumahan China bagi membina 100 ribu buah rumah mampu milik sepanjang tahun ini dan bagaimanakah pemilihan 8 buah syarikat ini dibuat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 6 perjanjian persefahaman (MoU) yang melibatkan Syarikat Perumahan Negara Berhad dan 8 syarikat berpangkalan di China. Perjanjian persefahaman tersebut meliputi pendanaan kepada projek perumahan mampu milik dan pertukaran teknologi sistem binaan berindustri (IBS) termaju dari China. Syarikat-syarikat ini dipilih berdasarkan pengalaman yang luas dalam pembangunan rumah mampu milik di China, kedudukan kewangan yang kukuh dan keupayaan serta kemampuan syarikat tersebut untuk memberikan kerjasama dengan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dalam mencapai hasrat penyediaan 1 juta rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun.

Sekian, terima kasih.